

Wakil rakyat tidak dihalang berniaga — PM

JITRA 5 Nov. — Wakil-wakil rakyat tidak akan dihalang daripada menjalankan urusan perniagaan selagi ia dilakukan tanpa menjejaskan urusan rasmi mereka, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Dr. Mahathir, cadangan supaya wakil rakyat hanya menjalankan tugas sebagai wakil kepada rakyat dan tidak boleh melakukan kerja-kerja sampingan seperti berniaga bukan tidak boleh dilaksanakan.

Bagaimanapun, katanya, jika langkah seperti itu diambil, bermakna kerajaan terpaksa memperuntukkan elaun atau gaji yang lebih besar kepada setiap wakil rakyat.

“Kita tidak seperti di Singapura di mana gaji wakil rakyatnya cukup besar malah gaji Perdana Menteri pun sampai S\$130,000...lagipun wakil rakyat

kita bukanlah ahli perniagaan sepenuh masa,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan program Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Hosba dekat sini hari ini.

Selepas perhimpunan tersebut, Perdana Menteri turut melancarkan buku karangan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail bertajuk *Secebis Sejarah Sekolah Melayu Hosba dan Sekitarnya*.

Dalam sidang akhbar itu, Dr. Mahathir menarik perhatian setengah-setengah pihak bahawa jika cadangan untuk menghadkan aktiviti wakil rakyat kepada berkhidmat kepada rakyat sahaja dikuatkuasakan, mereka tidak akan dapat memenuhi permintaan rakyat yang pelbagai.

“Orang yang datang minta itu dan ini kepada wakil rakyat pun tak henti-

henti...jadi nampak tidak wajarlah jika kita nak sekat mereka daripada berniaga sambil-sambilan,” kata Dr. Mahathir.

Katanya lagi, di universiti pun ada pensyarah yang berniaga secara sambil-sambilan dan kerajaan juga membenarkan doktor serta pensyarah perubatan di universiti melakukan tugas-tugas sampingan untuk menambahkan pendapatan selagi ia tidak menjejaskan kerja mereka.

Kepada soalan, apakah mungkin isu mengenai perkara ini timbul kerana ada satu dua wakil rakyat yang terlalu menumpukan perhatian kepada perniagaan sehingga terlupa untuk melawat kawasan mereka, Dr. Mahathir mengakui hakikat bahawa perkara seperti itu memang berlaku.